



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 5, May 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.mssocialsciences.com

### **Dapatkan Data Melalui Projek Rintis: Penjarian *Index, Middle, Ring* (IMR) dalam Frasa Solo Bes**

**Mohd Shahri Bin Ramli<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Mohd Shahri Bin Ramli (shahriramli@hotmail.com)

#### **Abstrak**

Penulisan ini tertumpu kepada dapatan data dari projek pilot kajian teknik penjarian IMR (*Index, Middle, Ring*) yang menekan bod jari bes elektrik dalam melakukan persembahan solo bes. Penentuan kelajuan jari melakukan peralihan dan lintasan tali, artikulasi teknik *hammer on*, *pull off* dan *trill* serta kekuatan jari untuk melakukan teknik *bending* antara permasalahan penjarian yang timbul semasa melakukan persembahan solo bes. Oleh itu, perungkai penjarian IMR dalam menyediakan pilihan jari untuk melakukan persembahan solo bes akan dikaji dalam membantu membendung permasalahan ini. Projek pilot melalui kajian ini adalah projek eksperimentasi pembacaan keratan nota muzik yang mana di dalam nota muzik tersebut memiliki elemen yang merangkumi permasalahan dan objektif kajian. Keratan notasi ini dicipta mengikut kesesuaian inti pati kajian dan dicaturkan kesemuanya pada satu frasa notasi solo yang panjang sekitar 10 bar. Elemen yang ditampilkan adalah hasil rujukan 4 solo bes yang telah ditranskrip dari 4 pemain bes terkemuka. Peralihan dan perlintasan jari diambil dari rujukan solo bes Tom Kenedy dan Geddy Lee. Perlenturan not merujuk kepada solo bes Jaco Pastorius. Artikulasi *Hammer On*, *Pull Off* dan *Trill* adalah melalui Jeff Andrew dan Geddy Lee. Projek pilot ini melibatkan 8 pemain bes dari kalangan pelajar diperingkat Diploma dan Sarjana Muda. Pemilihan pemain bes ini dipilih mengikut syarat kaedah yang telah ditetapkan. Proses projek pilot ini telah mengambil masa beberapa jam untuk diselesaikan. Melalui penghasilan data pilot projek ini akan menunjukkan keberkesanan teknik penjarian IMR dalam mengatasi permasalahan dan membantu mencapai objektif kajian.

**Kata kunci:** teknik penjarian, solo bes, teknik penjarian Index, Middle, Ring (IMR), bass elektrik

#### **Pilot Project: Index, Middle, Ring (IMR) Fingering in Bass Solo Phase**

#### **Abstract**

This paper focuses on the data findings of a pilot project on IMR fingering technique (*Index, Middle, Ring*) on electric bass keyboard in executing bass solo performance. Difficulty in determining finger speed over shifting and string crossing, music articulation techniques such as *hammer on*, *pull off* and *trill* as well as finger strength to do bending technique are among the fingering problems that arises when performing bass solo. IMR fingering has characteristics such as scale suitability in playing a challenging phrase, unique shape structure of hold/grip on fretboard and can provide speed in finger movement while playing a phrase. Hence, IMR fingering as the finger choice to execute solo bass performance will be studied to overcome these issues. This research is an experimental pilot project on *Etude* where the music notes hold elements that cover the issues and the objectives of this research. A part notation is created and set to a phrase solo around 10 bar to fit the core of this research. The

elements presented in this research are the result of reference to the works of four renowned bass players. Shift and cross fingering refer to Tom Kenedy and Geddy Lee while note bending refers to Jaco Pastorius. Jeff Andrew and Geddy Lee are cited as reference for *Hammer On, Pull Off and Trill* articulation techniques. This pilot project involves 8 bass players among diploma and degree students who are selected based on certain set of criteria. The findings of this research show the effectiveness of IMR fingering in resolving raised issues in bass solo performance.

**Keywords:** fingering technique, bass solo, Index, Middle, Ring (IMR) fingering technique, electric bass

---

## Pengenalan

Dalam dunia persembahan muzik khususnya bass telah mengambil banyak perubahan sejak kemunculan nenek moyang pada sekitar tahun 1200. Menurut Mooter (2002), pada ketika itu *Gigues* bersaiz besar yang berfungsi mengeluarkan nada terendah telah wujud. Bass berkembang sehingga tahun 1890 yang mana Akustik bass atau juga dikenali sebagai *double bass* mula digunakan dalam persembahan muzik jazz seperti big band dan kombo kecil (Rachel, 2011). Bass akustik atau *double bass* yang bersifat tidak mempunyai fret wujud disebabkan kebolehan menghasilkan frekuensi yang rendah atau seringkali dipanggil bass ton. Pada masa ini, *double bass* selalu digunakan dalam genra jazz dimana ‘*walking bass*’ selalu digunakan dalam era swing. Pada tahun 1920 sehingga 1950, perubahan muzik dengan penglibatan bass akustik berkembang iaitu bermula dengan *swing, big band*, diikuti *bebop* dan seterusnya *hard bop*.

Pada tahun 1930, Paul Tutmarc telah mencipta gitar bes pertama dengan bentuk moden yang memiliki fret dan dipegang secara mendatar. Pada tahun 1951, Leo Fender mula memperkenalkan gitar bes precision disebabkan ingin menbolehkan pemuzik memegang dan menahan instrumen mereka seperti gitar (Black J.W dan Albert, 2001). Pada tahun akhir 1960 dan awal 1970, muzik Jazz semakin berkembang sehingga wujudnya *fusion Jazz* iaitu percaturan muzik Rock dan Jazz. Pengwujudan pelbagai teknik pemanenan gitar bass yang diselitkan pada muzik Jazz dan Rock seperti *slapping, popping, tapping, hammer on* serta *pull off*<sup>1</sup> dan juga kombinasi bersama kesan bunyi (*sound effect*) telah menjadikan bass elektrik antara instrumen yang serba boleh.

Sering kali peranan bes elektrik dikaitkan dengan pengawalan irama atau *bassline* dalam persembahan bersama drum, alat muzik bes menjadi tulang belakang dalam membentuk citarasa sesebuah lagu (*groove*)<sup>2</sup>. Pada sekitar tahun 1960, persembahan solo menggunakan gitar bes menjadi sesuatu yang baru dan pada sekitar akhir tahun 1960 dan awal 1970, persembahan solo bes berkembang dan menjadi tidak asing dalam seni persembahan muzik jazz. Ramai muncul mencipta nama lalu terkenal dengan persembahan solo mereka antaranya seperti Monk Montgomery, Jaco Pastorius, Stanley Clarke, Louis Johnson, John Entwistle, John Deacon dan telah menjadikan kemahiran bes mereka menjadi ikutan dan sumber inspirasi pemain bes baharu untuk mengikuti jejak langkah mereka.

Beberapa perkara asas yang perlu dikuasai dalam permainan gitar bes sebelum dapat melakukkan persembahan solo adalah antaranya pemahaman mengenai bahagian gitar bes semestinya perlu dikuasai terlebih dahulu terutamanya not pada papan fret (*fretboard*)<sup>3</sup>. Menurut Luke (2017), penguasaan not pada papan fret adalah asas penting untuk bermain guitar bes. Pengetahuan mengenai ritma, harmoni, kord dan melodi adalah perkara yang penting untuk bermain gitar bes (Bruce, 2011). Penglibatan tangan kiri dan kanan adalah medium penting dalam bermain alat muzik gitar bes. Latihan yang secukupnya diperlukan bagi kedua tangan dalam memastikan penghasilan bunyi yang baik.

<sup>1</sup> Intermediate Electric Bass, The Complete Electric Bass Method oleh David Overthrow, M/s 54 – 64.

<sup>2</sup> *Groove is how several musical practices come together to produce an emphasis on strict chronometric time, Groove: An Aesthetic of Measure Time*, Mark Abel. M/s 12

<sup>3</sup> Papan fret pada leher gitar bass

Pengetahuan setiap not pada papan jari yang mempunyai fret pada bes elektrik serta posisi seharusnya dikuasai untuk kelancaran semasa persembahan solo bes.

Dalam kajian ini, penumpuan dituju khas kepada tangan kiri untuk meneroka bentuk-bentuk jari (*fingering system*) dalam melakukkan persembahan solo bes. Jari kiri adalah antara elemen penting dalam penghasilan bunyi dan *tone*. Jari kiri boleh dikenali antaranya jari satu (*index*), jari dua (*middle*), jari tiga (*ring*) dan jari empat (*pinky*). Terdapat dua teknik penjarian yang kini menjadi pilihan pemain bes untuk melakukkan improvisasi seperti teknik satu, dua, tiga, empat (*index, middle, ring, pinky*) dan teknik satu, dua, empat (*index, middle, pinky*). Teknik penjarian satu, dua, tiga dan empat adalah penjarian yang sering digunakan untuk eletrik bes manakala penjarian satu, dua dan empat untuk *Double bass* (Corey, 2011).

Tumpuan kajian ini adalah penyediaan cadangan teknik penjarian yang baru untuk melakukan solo bes iaitu teknik penjarian yang menggunakan jari satu, dua dan tiga atau dikenali sebagai jari *Index, Middle* dan *Ring* (IMR). Dalam kajian ini, singkatan nama IMR digunakan untuk mewakili cadangan teknik penjarian tersebut dan bertujuan memudahkan proses penerangan.

Dalam permainan elektrik bass, *Shifting* atau peralihan jari penting apabila ingin melakukkan persembahan solo bes. Jari perlu bergerak dalam keadaan tersusun tanpa tersekat agar perancangan melodi atau idea ritma yang ingin dicipta akan terhasil. Apabila *shifting* tidak dapat dirangka dengan baik, ini akan mencetuskan penghasilan melodi atau idea yang tidak kemas dan seterusnya menyebabkan pergerakan not tidak dapat diserasikan dengan tempo muzik. Penjarian yang yang tidak teratur akan menyebabkan penghasilan bunyi yang tidak konsisten.

Selain itu, teknik *bending* atau melentur tali merupakan salah satu teknik yang kini digunakan semasa persembahan solo bes yang mana disebabkan keunikan fungsi dan kesan dingin pada penghasilan. Banyak pemain bass terkemuka yang menggunakan teknik ini semasa persembahan solo antaranya adalah Jaco Pastorius, Larry Graham, Victor Wooten dan Marcus Miller.

Mengartikulasikan teknik *hammer on, pull off*, dan *trill* (mengetar) juga pencetus ke arah persembahan solo bes yang lebih menarik dan berjaya disamping memberi kelancaran mengerakkan solo bes.

## **Metod Kajian**

Projek pilot merupakan ujian pra atau proses percubaan intrumen kajian (Baker 1994). Menurut Teijlingen dan Hundley (2001), projek *pilot* juga mencetuskan data kemungkinan yang boleh dianalisis.

Metodologi ini bertujuan mendapatkan data melalui keratan notasi yang dicipta seperti *etude* (Notasi 1). Keratan notasi ini dicipta mengikut kesesuaian inti pati kajian dan dicaturkan kesemuanya pada satu frasa notasi solo bes yang panjang sekitar 10 bar. Elemen yang ditampilkan adalah hasil rujukan 4 solo pemain bes terkemuka yang telah ditranskrip. Peralihan dan perlintasan jari adalah di ambil hasil dari solo bes Tom Kenedy dan Geddy Lee. *Bending* atau Perlenturan not adalah merujuk kepada solo bes Jaco Pastorius. Artikulasi *Hammer On, Pull Off* dan *Trill* adalah melalui Jeff Andrew dan Geddy Lee.

Kaedah ini telah melibatkan beberapa pemain bes dari kalangan pelajar diperingkat Diploma dan Sarjana Muda. Pemilihan pemain bes ini dipilih mengikut syarat kaedah yang telah ditetapkan antara syarat pemilihan bagi kaedah ini adalah 1), Kebolehan membaca dan memainkan keratan notasi atau *etude* yang telah dicipta. Syarat yang seterusnya 2), pemain bes atau pelajar semestinya boleh melakukan persembahan solo bes. Tidak menegaskan pemain bes itu kena mahir mempersembahkan solo bes, asalkan mereka boleh sudah mencukupi. Ini kerana fokus kajian ini adalah pada penjarian tangan kiri melakukan persembahan solo bes pada fret bes terhadap kelajuan peralihan dan perlintasan jari, teknik *bending* dan artikulasi teknik yang lain.

Projek pilot ini telah dijalankan di bilik Kristal, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seramai lapan pelajar telah dipilih dan masing-masing diminta untuk membawa elektrik bes sendiri. Kesemua pelajar diberikan satu keratan notasi (*etude*) yang mempunyai 10 bar (Notasi 1). *Etude* yang bertujuan mendapatkan penjarian yang boleh membantu melancarkan persembahan bes solo elektrik tersebut mengandungi komponan pergerakan alihan dan lintasan, teknik *bending* dan artikulasi teknik *hammer on*, *pull off* dan *trill*.

**Pilot Projek**  
Teknik penjarian IMR  
*B : Bending HOn : Hammer On PO : Pull Off Tr : Trill*

Notasi 1: Keratan notasi (*etude*)


Penilaian dan pengukuran permakahan bagi projek pilot ini telah menggunakan penjadualan sebuah rubrik mengikut metod pencetusan rubrik oleh Danelle dan Antonia dari buku mereka yang berjudul “*Introduction of Rubrics*” (Jadual 1).

Jadual 1: Rubrik Penilaian Projek Pilot Pada Satu Keratan *Etude*

| Kriteria (K)              | Frasa 1   | Frasa 2   | Frasa 3   | Jumlah Keseluruhan Frasa |
|---------------------------|---|---|---|--------------------------|
| Peralihan dan perlintasan | Dimainkan tanpa kesilapan not                   | Dimainkan tanpa kesilapan not                   | Dimainkan tanpa kesilapan not                   | 3                        |
| Lenturan                  | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not | 3                        |

|                     |   |   |   |    |
|---------------------|---|---|---|----|
| Trill               | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not   | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not   | Mengikut tempo  | 2  |
| Hammer On, Pull Off | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not   | Mengikut tempo<br>Dimainkan tanpa kesilapan not   |   | 2  |
| Jumlah keseluruhan  | Mengikut tempo<br>*Sekiranya kedua dua komponen tidak didapat dilaksanakan dianggap tidak Berjaya | Mengikut tempo<br>*Sekiranya kedua dua komponen tidak didapat dilaksanakan dianggap tidak berjaya | *Sekiranya kedua dua komponen tidak didapat dilaksanakan dianggap tidak berjaya | 10 |


Pelajar tersebut diberikan masa untuk berlatih memainkan *etude* tersebut secara bersendirian, secara bebas mengikut penjarian masing-masing. Masa yang telah diberikan adalah selama 1 jam dan pelajar diminta memainkan sebanyak 5 kali pusingan. Pengiraan markah 1 hingga 10 telah diberi bagi setiap pusingan. Ukuran 10 ini adalah merujuk kepada kumpulan frasa penting iaitu tiga frasa bagi peralihan dan perlintasan, dua frasa bagi teknik *trill*, dua frasa bagi teknik *pull off* dan *hammer on* dan tiga frasa bagi teknik lenturan (Notasi 1). Respon dari pelajar itu sendiri diambil mengenai pengalaman dan pendapat memainkan *etude* tersebut. Seterusnya mereka diminta memainkan *etude* itu semula menggunakan sistem penjarian IMR yang tersedia ditulis. Masa yang sama iaitu selama 1 jam telah diberikan untuk melatih *etude* yang sama menggunakan penjarian IMR. Pengiraan markah 1 hingga 10 telah diberi bagi setiap pusingan. Respon dari pelajar berkenaan pengalaman memainkan *etude* tersebut menggunakan penjarian IMR dicatat dan didokumentasikan.



Rajah 1: Prosedur Proses Dapatan Data Projek Pilot

## Dapatkan Data Pilot Projek Melalui Pusingan

Pengiraan markah 1 hingga 10 telah diberi bagi setiap pusingan. Ukuran 10 ini adalah merujuk kepada kumpulan frasa penting iaitu tiga frasa bagi peralihan dan perlintasan, dua frasa bagi teknik *trill*, dua frasa bagi teknik *pull off* dan *hammer on* dan tiga frasa bagi teknik lenturan (Notasi 1). Rubrik penilaian bagi projek ini juga telah dibuat bagi menyatakan bagaimana penilaian diberi (Rajah 2).



Rajah 2: Rubrik penilaian

Merujuk kepada Notasi 1, keratan notasi sebuah *etude* yang dicipta khas untuk kajian teknik penjarian IMR dimana penglibatan seperti 3 peralihan dan perlintasan, 3 lenturan, 2 *hammer on*, *pull off* dan 2 *trill*. Keratan notasi ini adalah sebanyak 10 bar dan tempo yang digunakan adalah sekitar 110 sehingga 130 BPM.

Penggunaan singkatan teknik melentur (B), *Hammer on* (HO), *Pull off* (PO) dan *trill* (Tr) adalah bertujuan memudahkan responden yang terlibat dalam pilot projek ini mengenalpasti di manakah penggunaan teknik tersebut digunakan sebelum memulakan latihan. Selain itu, peletakkan nombor 1 (*Index*), 2 (*middle*) dan 3 (*ring*) telah disediakan pada setiap notasi yang ingin perlu digunakan dalam teknik penjarian IMR.

Terdapat 8 responden (pelajar) yang terlibat dan mereka mewakili 3 institusi pengajian di Kota Kinabalu, Sabah iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Eastern College (EC) dan Sabah Institute of Art (SIA). Kesemua responden ini adalah pelajar yang mengambil alat muzik elektrik bes sebagai alat muzik utama dan dipilih mengikut kriteria yang bertepatan dengan syarat projek *pilot* ini.

Jadual 2 di bawah adalah nama responden, profisen dan kod yang diberi kepada setiap responden (pelajar) yang dinilai. Kod ini direka untuk mewakili setiap responden seperti pelajar 1 sebagai S1, pelajar dua S2 dan seterusnya hingga pelajar lapan S8.

Jadual 2: Penama, profisen dan pengkodan untuk projek *Pilot*


| Nama Pelajar | Status/Institusi | Kod |
|--------------|------------------|-----|
| Shahzrol     | Pelajar UMS      | S1  |
| Evv Vanzhoe  | Pelajar EC       | S2  |

|                 |             |    |
|-----------------|-------------|----|
| Jeiren          | Pelajar EC  | S3 |
| Sahari Talami   | Pelajar UMS | S4 |
| Juergen Jekulon | Pelajar EC  | S5 |
| Raynold         | Pelajar UMS | S6 |
| Vie Everrollah  | Pelajar EC  | S7 |
| Jebrew Lystra   | Pelajar SIA | S8 |

## Dapatan Kajian

### **Data Kelajuan Penjarian Melalui Peralihan dan Perlintasan Not**

Melalui projek *pilot* ini, tiga frasa notasi telah disediakan khusus untuk peralihan dan lintasan menggunakan penjarian IMR untuk memberi kelajuan dalam persembahan solo bes iaitu frasa pertama pada bar 3 bermula pada bit ke- tiga dan ke- empat serta frasa kedua pada bar 5 dan frasa ketiga pada bar 8.



Notasi 2: Peralihan dan perlintasan pertama pada bar 3



Notasi 3: Peralihan dan perlintasan kedua pada bar 5

Pelajar telah diberikan taklimat dan prosuder perlaksanaan projek pilot sebelum memulakan permainan. Projek pilot ini dimulakan dengan bahagian peralihan dan lintasan menggunakan teknik penjarian sendiri dan IMR. Tiga frasa disediakan yang memfokuskan bahagian peralihan dan lintasan, dua frasa dapat dirujuk pada Notasi 2 dan Notasi 3.

Sebelum tugas dimulakan, responden (pelajar) diminta memainkan notasi tersebut menggunakan penjarian masing – masing dan masa telah diberikan untuk melatihnya terlebih dahulu. Seterusnya responden diminta memainkan keratan notasi tersebut. Data yang diperolehi didokumentasikan atau dicatat melalui pemerhatian dan respon lisan dari responden itu sendiri. Menurut responden S1, penjarian menjadi tegang dan susah apabila ingin mempercepatkan pergerakan jari pada peralihan dan perlintasan 2 dari keratan notasi 15. Menurut responden S3, amat susah untuk mengerakan jari pada Notasi 14 dari not Eb melintas ke Ab, manakala responden S4 menyatakan kesukaran untuk memainkan Notasi 15 secara terus dan laju biarpun ia telah berlatih berberapa kali dengan tempo yang perlahan. Didapati penggunaan penjarian pelajar memiliki masalah dalam mengerakkan notasi tersebut.

Responden seterusnya diminta untuk memainkan keratan notasi menggunakan teknik penjarian IMR dimana nombor penjarian tertera pada notasi itu (Rujuk lampiran A). Nombor tersebut mewakili jari yang perlu digunakan, dan ditegaskan untuk mencondongkan not yang tertentu dengan jari yang tertentu. Responden diberi masa untuk melatihnya sebelum data diambil. Setelah mereka memainkan keratan notasi tersebut dan seterusnya data diperoleh bagi mendapatkan perbandingan dengan penjarian yang pelajar gunakan sebelum menggunakan teknik penjarian IMR. Dari permainan kedua keratan ini didapati responden dapat merasakan keselesaan dalam mengerakkan Notasi 2 dan 3 dengan menggunakan teknik penjarian IMR. Menurut responden S1, pergerakkan penjarian menjadi lancar apabila melakukan notasi dari keratan notasi 2 sekali dengan tempo laju. Menurut responden S5, jari dapat menjangkau dengan senangnya not ke not yang disediakan. Menurut responden S7, beliau merasakan kordinasi tangan kiri dan kanan dapat merasa keserasian dalam melakukan permainan dengan jelas dan tepat.

**Teknik Melentur**

Dalam notasi ini juga, teknik melentur telah diselitkan bagi mendapatkan data penjarian IMR. Pada Notasi 4 dan Notasi 5, teknik melentur dapat diperhatikan dengan singakatan ‘B’.

Cm<sup>7</sup>  
Dm<sup>7</sup> [es]

Notasi 4: Lenturan pada bar 1

The image shows a musical score for bass guitar. At the top left, there is a G7 chord with fingerings: 1, 1, 2, 3. Below it, a melodic line starts with a bass note followed by a series of eighth notes. The melody consists of eighth-note pairs connected by slurs. Fingerings above the notes indicate a pattern of 1, 2, 3, 1, 2, 3. A red bracket on the right side of the page groups the last three pairs of notes, with the number 3 and the letter B written above them. The page number 6 is centered at the bottom.

Notasi 5: Lenturan pada bar 10

Merujuk pada Notasi 4 dan Notasi 5 di atas adalah keratan dari projek *pilot* yang menampilkan teknik *bending*. Pada bahagian ini, prosuder yang sama telah diminta untuk memainkan lenturan ini. Selepas responden memainkan petikan ini menggunakan penjarian masing – masing, didapati ada persamaan dengan teknik penjarian IMR yang mana responden menggunakan jari 2 dan 3 untuk melakukannya. Menurut responden S3, terdapat kesukaran untuk melakukan lenturan 1 ton. Menurut responden S5,

pemasalahan mengatur jari adalah satu-satunya punca kelemahan dalam meneluarkan lenturan yang sempurna. kebanyakkan responden ini menggunakan penjarian IMR dalam melakukan lenturan tanpa disedari.

Setelah responden ini diberi masa untuk berlatih dan memainkan notasi tersebut, didapati mereka merasa sedikit keselesaan dalam memainkan lenturan tersebut dan pelajar juga menyatakan terdapat kesukaran untuk melenturkan not apabila melibatkan 1 ton lenturan menarik. Oleh itu, cara melentur menaik 1ton dilakukan dengan melibatkan peralihan not. Sebagai contoh pada notasi bar 1 pelenturan dari not F ke not G adalah berjarak 1 ton, pelenturan akan dilakukan menggunakan jari 3 dibantu oleh jari 1 dan 2 dan seterusnya not F akan dialihkan ke not F# lalu dilenturan menaik secara terus ke not G. Ini telah dicuba oleh pelajar dan kesemua pelajar merasakan kemampuan dan kesenangan dalam melakukannya.

### ***Hammer On dan Pull Off***

Melalui notasi 6, dapat dilihat penglibatan artikulasi teknik *Hammer on* dan *Pull off* pada notasi yang disediakan. Jika dilihat kedua teknik ini boleh memberi kesinambungan dalam penghasilan melodi yang berbentuk urutan dan pengulangan not. Ini akan mempengaruhi kemampuan jari untuk melakukan penghasilan not atau persembahan solo bes khususnya apabila melibatkan tempo laju.




Notasi 6: *Hammer on* dan *Pull Off*

Menurut responden S6, beliau mendapat kesukaran melakukan pull off pada 2 not pertama dengan menggunakan jari 4 dan 3. Menurut S8, jari mengalami kesukaran untuk melakukan dan menghubungkan not apabila melibatkan *pull off* dan *hammer on*. Selepas itu, pelajar diminta untuk melakukan notasi dengan menggunakan teknik penjarian IMR yang telah disediakan. Pelajar juga merasakan kesenangan untuk melakukan teknik ini pada notasi tersebut dan juga mampu melakukannya pada tempo laju.

### ***Trill***

Merujuk pada Notasi 7, sebuah frasa *trill* telah disediakan dengan pergerakan not secara menurun. Bermula dari bar 6 sehingga bar 7, *trill* ini bergerak aktif dan laju tanpa berhenti. Ini adalah salah satu frasa yang mencabar yang mana semestinya dalam penghasilannya memerlukan pemilihan penjarian yang kuat, tangkas dan cekap.



Notasi 7: *Trill*

Responden telah diminta untuk melakukan pergerakan *trill* dari keratan notasi yang disediakan dengan menggunakan penjarian sendiri. Responden juga telah diberi masa untuk melatihnya terlebih dahulu. Dari aktiviti ini, didapati responden mengalami kesukaran untuk memainkan frasa *trill* Notasi 7 kerana kebanyakkan dari mereka menggunakan penglibatan jari 4. Menurut responden S2, amat sukar untuk melakukan *trill* dengan penglibatan jari 4 dalam tempo yang laju. Menurut S4, kecepatan jari untuk melakukan *trill* ini sangat terganggu untuk menghubungkan pemilihan jari dan menyebabkan jari menjadi bercelaru. Setelah itu, responden diminta untuk menggunakan penjarian IMR yang telah disediakan pada keratan *Etude* tersebut. Proseder yang sama telah dilakukan oleh responden sebelum menyempurnakan frasa tersebut.

Selepas keratan tersebut dimainkan oleh responden menggunakan penjarian IMR, sebilangan besar dari mereka mempersetujui penggunaan penjarian IMR ini memberi kelancaran pada jari mereka untuk melakukan *trill* dalam tempoh yang laju. Menurut responden S4, penjarian ini membantu kelancaran penjarian untuk bergerak dan menekan fret tersebut, manakala responden S1, ini memudahkan pergerakan jari disebabkan jarak *trill* ini adalah ton dan semiton.

## Dapatan Kajian

### **Dapatan Data Melalui Pusingan**

Pengiraan markah 1 hingga 10 telah diberi bagi setiap pusingan. Ukuran 10 ini adalah merujuk kepada kumpulan frasa penting iaitu tiga frasa bagi peralihan dan perlintasan, dua frasa bagi teknik *trill*, dua frasa bagi teknik *pull off* dan *hammer on* dan tiga frasa bagi teknik lenturan. Rubrik penilian bagi projek ini juga telah dibuat bagi menyatakan bagaimana penilaian diberi.

### **Dapatan Melalui Penjarian Sendiri**

Jadual 3 merupakan data dapatan projek *pilot* melalui tiga peralihan dan perlintasan dengan menggunakan penjarian sendiri. Pelajar telah memainkan etude projek *pilot* sebanyak lima kali pusingan. Mata bagi setiap pusingan diambil dan dijadualkan. Jumlah diterima setelah mata lima pusingan dikumpulkan.

Jadual 3: Data dapatan melalui peralihan dan perlintasan menggunakan penjarian sendiri

| Pemain<br>bass /S | Frasha<br>notasi | Pusingan<br>1<br>(/3) | Pusingan<br>2<br>(/3) | Pusingan<br>3<br>(/3) | Pusingan<br>4<br>(/3) | Pusingan<br>5<br>(/3) | Jumlah |
|-------------------|------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|--------|
| S1                | Peralihan        | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 3                     | 9      |
| S2                | Peralihan        | 0                     | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 6      |
| S3                | Peralihan        | 0                     | 0                     | 1                     | 2                     | 2                     | 5      |
| S4                | Peralihan        | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 3                     | 9      |
| S5                | Peralihan        | 0                     | 1                     | 1                     | 2                     | 3                     | 7      |
| S6                | Peralihan        | 0                     | 0                     | 0                     | 1                     | 1                     | 2      |
| S7                | Peralihan        | 1                     | 1                     | 2                     | 3                     | 3                     | 10     |
| S8                | Peralihan        | 0                     | 0                     | 1                     | 2                     | 3                     | 6      |

Jadual 4 merupakan data dapatan projek *pilot* melalui dua *Trill* menggunakan penjarian sendiri. Pelajar telah menggunakan penjarian sendiri memainkan etude projek *pilot* sebanyak lima kali pusingan. Mata bagi setiap pusingan di ambil dan dijadualkan. Jumlah diterima setelah mata lima pusingan dikumpulkan.

Jadual 4: Data daptan melalui *Trill* menggunakan penjarian sendiri

| Pemain<br>bass /S | Frasa<br>notasi   | Pusingan<br>1<br>(/2) | Pusingan<br>2<br>(/2) | Pusingan<br>3<br>(/2) | Pusingan<br>4<br>(/2) | Pusingan<br>5<br>(/2) | Jumlah |
|-------------------|-------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|--------|
| S1                | <i>Trill (tr)</i> | 0                     | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 6      |
| S2                | <i>Trill (tr)</i> | 0                     | 0                     | 1                     | 1                     | 2                     | 4      |
| S3                | <i>Trill (tr)</i> | 0                     | 0                     | 0                     | 1                     | 1                     | 2      |
| S4                | <i>Trill (tr)</i> | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 2                     | 8      |
| S5                | <i>Trill (tr)</i> | 1                     | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 8      |
| S6                | <i>Trill (tr)</i> | 0                     | 0                     | 0                     | 1                     | 1                     | 2      |
| S7                | <i>Trill (tr)</i> | 1                     | 1                     | 2                     | 2                     | 2                     | 8      |
